

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 23 Jun 2021 11:56
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 2,265 Pelajar TISSA-UUM Semester A192 Dan A201 Terima Anugerah Dekan



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

23 JUN 2021 / 13 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Jafri Ishak
Gambar oleh: TISSA-UUM

2,265 PELAJAR TISSA-UUM SEMESTER A192 DAN A201 TERIMA ANUGERAH DEKAN



UUM ONLINE: Seramai 2,265 pelajar dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) yang memperoleh Purata Nilai Gred (GPA) 3.50 dan ke atas bagi Semester A192 dan A201 telah menerima Anugerah Dekan yang diadakan menerusi Facebook rasmi TISSA-UUM, baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 746 pelajar Semester A192 merupakan pelajar Sarjana Muda Perakaunan dan 257 pelajar daripada Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat), manakala bagi Semester A201, 899 pelajar adalah dari program Sarjana Muda Perakaunan dan 363 adalah pelajar Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat).

Dekan TISSA-UUM, Prof. Madya Dr. Rose Shamsiah Samsudin berkata, beliau bangga dengan pencapaian pelajar-pelajar tersebut dan merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima.

Menurutnya, selain pencapaian akademik yang cemerlang, pelajar juga perlu mempunyai daya saing di peringkat global, keupayaan menyelesaikan masalah, berfikir analitikal dan kritikal selain berkeyakinan dan berintegriti tinggi.

“Pelajar TISSA-UUM tidak semestinya menjadi seorang yang sempurna tetapi mereka mesti bersikap positif dalam menghadapi cabaran dalam pembelajaran dan persekitaran terutamanya semasa suasana pembelajaran secara *remote learning*.”

Majlis Anugerah Dekan sesi A192 dan A201 anjuran bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kelab Pelajar Perakaunan (NOVAC) itu turut dihadiri secara maya oleh ibu bapa dan keluarga penerima anugerah yang memberikan ucapan tahniah dan kata-kata semangat di ruangan komen.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.